



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI
RUJUKAN TAWARAN: MFA/JPKL/21/275/2026 (AEMM)

JEMPUTAN SEBUTHARGA BAGI KENDERAAN SEWA
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI BAGI KEGUNAAN SEMASA
25TH ASEAN-EU MINISTERIAL MEETING (AEMM)
DI BANDAR SERI BEGAWAN PADA BULAN APRIL 2026

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat dan orang-orang persendirian yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan memegang Kad Pintar berwarna Kuning atau Penduduk Tetap Kad Pintar berwarna Ungu dan juga dari syarikat-syarikat Kereta Sewa Pandu Sendiri (KSPS) untuk memberikan sebutharga bagi menyewakan kenderaan semasa 25th ASEAN-EU Ministerial Meeting (AEMM) di Bandar Seri Begawan, pada bulan April 2026.

SYARAT-SYARAT UNTUK MENYEWAKAN KERETA
DI KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

PERMOHONAN PERSENDIRIAN

1. Kereta tidak di ubah suai dari keadaan asal (tidak ada tambahan luar dan dalam kereta (seperti pemasangan *tinted* yang tidak mendapat kelulusan Pihak Jabatan Pengangkutan Darat Negara Brunei Darussalam, tambahan '*sound system*' dan sebagainya).
2. Kereta didalam keadaan yang sangat baik dan tidak pernah terlibat dalam kemalangan (dikehendaki untuk menjalani pemeriksaan teknikal terlebih dahulu sebelum disokong).
3. Lain-lain syarat adalah seperti yang dinyatakan didalam borang dan dokumen tawaran.

PERMOHONAN SYARIKAT

1. Syarikat hendaklah berdaftar dan mempunyai sijil pendaftaran '*Certificate of Incorporation*' atau '*Certificate of Business Names Registration*'.
2. Mempunyai **Permit Kereta Sewa Pandu Sendiri (KSPS) dan Permit Bas Sewa Khas (BS)**.
3. Mempunyai Sijil Pengiktirafan Bengkel rawatan kenderaan.

4. Mempunyai lesen Rampaian Bengkel rawatan Kenderaan.
5. Bagi tawaran kenderaan untuk jenis **Saloon, MPV, Van dan Bas** dikehendaki untuk menjalani pemeriksaan teknikal terlebih dahulu sebelum disokong.
6. Menyertakan salinan surat pematuhan cukai yang dikeluarkan oleh pihak Pemungut Cukai Pendapatan selaras dengan BAB 52(1) Akta Cukai Pendapatan Penggal 35 bagi syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-Syarikat Penggal 39.
7. Menyertakan surat pengesahan pematuhan Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) dengan menyatakan rujukan pendaftaran dan caruman bagi setiap pekerja kontrak, bergaji hari atau pekerja sementara.
8. Menyertakan salinan surat pengesahan syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-Syarikat Penggal 39 mengenai tarikh terakhir menghantar Penyata Tahunan (*Annual Returns*) kepada Pendaftar Syarikat-Syarikat termasuk tahun syarikat mengadakan '*Annual General Meeting*'.
9. Lain-lain syarat adalah seperti yang dinyatakan didalam borang dan dokumen tawaran.

SYARAT-SYARAT AM

1. Kenderaan yang diperlukan adalah semasa *25th ASEAN-EU Ministerial Meeting (AEMM)* pada bulan April 2026 di Bandar Seri Begawan.
2. **Jenis kenderaan**
Kenderaan yang diperlukan dibahagikan kepada dua (2) kumpulan seperti berikut:-

2.1. Kategori 1 Saloon

2.1.1. Kumpulan 1 (Continental)

Kereta yang diperlukan dari Jenis *Continental*

- *Mercedes Benz S-Class*
- *BMW 7 Series*
- *Audi A8*
- Tarikh pendaftaran asal kenderaan mestilah pada bulan **Januari 2019 ke atas.**
- Warna Kenderaan – **hitam, biru tua (*Dark Blue*), dark grey atau putih.**
- Hanya Kenderaan yang terpilih dikehendaki memasang tiang bendera kecil pada sebelah kiri kenderaan.

2.1.2. **Kumpulan 2 (Non Continental)**

Kereta yang diperlukan ialah Jenis Saloon (2.0 – 2.5 cc)

- *Toyota Camry 2.5 cc*
- *Nissan Teana 2.5 cc*
- *Mazda – Mazda 6*
- *Honda Accord*

2.1.3. Tarikh pendaftaran asal kenderaan mestilah pada bulan **Januari 2019 ke atas.**

2.1.4. Warna Kenderaan – **hitam, biru tua (Dark Blue), dark grey atau putih.**

2.2 **KATEGORI MPV / VAN**

Kenderaan yang diperlukan ialah Jenis

- Toyota Majesty, Vellfire, Alphard,
- Toyota Hiace (Standard / High Roof)
- Nissan Elgrand,
- Nissan Urvan (Standard / High Roof)
- Hyundai H1, Staria
- Mitsubishi Delica

➤ mestilah berwarna hitam, *dark blue*, *dark grey* atau putih.

➤ Tarikh pendaftaran asal kenderaan mestilah pada bulan **Januari 2019 ke atas.**

2.3 **KATEGORI MINI VAN**

Bas mini 15 muatan duduk (seaters) dan **mempunyai Permit Bas Sewa Khas (KSPS)** yang masih sah.

2.4 **KATEGORI BAS**

Bas 22 muatan duduk, 33 muatan duduk dan 42 hingga 55 muatan duduk yang mempunyai **Permit Bas Sewa Khas** yang masih sah.

3. Kenderaan yang diperlukan adalah semasa ***25th ASEAN-EU Ministerial Meeting (AEMM)*** pada bulan ***April 2026.***

4. Bayaran Perkhidmatan sebanyak **Lima Ringgit (\$5.00)** bagi setiap penyertaan **di Bilik Summit 1, Bahagian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Pusat Persidangan Antarabangsa** sebelum borang tawaran diberikan.
5. Borang Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri **tidak lewat dari hari Selasa, 6 Januari 2026 jam 2:00 petang** di alamat berikut:-

**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI
PETI TAWARAN, LEMBAGA TAWARAN KECIL
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, JALAN STADIUM
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
BRUNEI DARUSSALAM**

Tawaran-tawaran yang **diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.**

6. Bagi tawaran-tawaran penyewaan kenderaan yang telah lulus penilaian peringkat pertama, kenderaan yang ditawarkan adalah dikehendaki untuk menjalani pemeriksaan teknikal terlebih dahulu sebelum disokong untuk proses penilaian seterusnya.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima mana-mana tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.
